

Dua beradik

konvo bersama

Kegembiraan berganda dikongsi bersama keluarga

Tak sangka dapat konvo serentak dengan adik bongsu hari ini (semalam)... bagi kami ia kegembiraan berganda buat mak dan semua adik-beradik," kata penerima Ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Nurul Izati Wagimin, 25.

Adiknya, Nurul Fitri Wagimin, 21, yang menuntut di UPM Kampus Bintulu, Sarawak menerima Diploma Sains Perhutanan dan masing-masing menggenggam ijazah dan diploma pada Sesi ke-6, Majlis Istiadat Konvokesyen ke-41 UPM di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, semalam.

Nurul Izati yang merupakan anak kelima dari enam beradik berkata, selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dia meneruskan pelajaran dalam bidang Sains Perhutanan di peringkat diploma, sebelum menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda.

"Arwah ayah dan abang bekerja dalam bidang perhutanan, jadi automatik saya dan adik berminat teruskan pengajian dalam bidang ini.

"Selepas ni saya akan cari kerja untuk bantu mak dan kakak serta abang yang banyak berkorban untuk kami. Abang



Nurul Izati (dua, kiri) dan Nurul Fitri mencium pipi ibunya selepas Majlis Istiadat Konvokesyen ke-41 UPM di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, semalam.

dan kakak sebelum ini tak dapat sambung pengajian kerana keluarga tak berkemampuan, selain tiada pendedahan kepentingan menyambung pelajaran," katanya.

Nurul Fitri yang merupakan adik bongsunya berhasrat menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda mengikut jejak

langkah Nurul Izati.

"Sebelum ni saya dan kakak memang tak berpeluang belajar bersama kerana kakak di UPM kampus Serdang dan saya di Sarawak.

"Apapun kami akan balas jasa mak yang dah besarkan kami hingga berjaya," katanya.